



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

38 MAKMAL BNP LABS: MEMACU PENGKOMERSIALAN INOVASI, MEMPERKASA USAHAWAN BIO MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 17 Julai 2024 – 38 buah makmal telah dianugerahkan dengan status BioNexus Partners Laboratories (BNP Labs) ke arah memperkasakan keusahawanan dan keupayaan inovasi dalam industri bioteknologi dan berasaskan bio di Malaysia. BNP Labs merupakan salah satu program di bawah Malaysian Bioeconomy Development Corporation (Bioeconomy Corporation) yang menyokong keperluan penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R,D,C&I) negara serta merapatkan jurang antara pemain industri dengan komuniti R&D. Menurut Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), BNP Labs juga dilihat sebagai platform yang menyokong penjanaan pendapatan oleh syarikat-syarikat bioteknologi termasuk syarikat berstatus BioNexus, syarikat Bio-based Accelerator (BBA) dan projek berimpak tinggi, yang setakat ini telah menyumbang pendapatan sebanyak RM37.5 bilion kepada KDNK Malaysia.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Dato' Haji Mohammad Yusof bin Apdal berkata BNP Labs berupaya untuk menangani cabaran-cabaran R,D,C&I di Malaysia, di mana 66 peratus projek R,D,C&I masih bergantung kepada peruntukan kerajaan. Beliau berkata kepakaran, fasiliti, alatan, latihan, akreditasi, dan perkhidmatan teknikal R,D,C&I yang ditawarkan oleh BNP Labs menjadikan usahawan dan syarikat PKS bioteknologi dan berasaskan bio lebih berdaya saing dan inovatif melalui bimbingan penyelidikan produk baharu, penambahbaikan produk sedia ada, serta analisis dan pengkomersialan produk.

“Sebanyak 147 produk telah ditambah nilai melalui Program Pembangunan Produk (PDP) yang dilaksanakan oleh Bioeconomy Corporation dengan kerjasama makmal-makmal BNP dari tahun 2020 hingga 2023. Di bawah program ini, pelbagai produk R&D oleh usahawan bioteknologi dan berasaskan bio menjalani peningkatan dan reformulasi, seterusnya berjaya dikomersialkan serta menembusi pasaran tempatan dan global. BNP Labs menyumbang kepada pengeluaran produk baharu bernilai tinggi yang mendorong pendapatan tambahan syarikat, lalu menyokong matlamat mencapai 5 peratus KDNK negara di bawah Dasar Bioteknologi Negara 2.0,” kata beliau semasa perasmian Majlis Penyerahan Sijil BNP Labs di National Bioeconomy Showcase 2024 (NBIOSHOWCASE 2024) pada hari ini.

Menurut Pengerusi Bioeconomy Corporation, YBhg. Dato' Dr. Lee Boon Chye, BNP Labs juga memberikan sumbangan yang penting dalam pelbagai aspek keusahawanan seperti latihan teknikal dan pensijilan melalui program-program di bawah Bioeconomy Corporation. "Dari tahun 2020 hingga 2023, BNP Labs telah membimbing hampir 800 usahawan untuk menjalani latihan teknikal, pemindahan teknologi dan pengenalan dasar Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) melalui program Entrepreneur Uplift, di samping memberi kesedaran tentang pensijilan Halal Malaysia. Dalam tempoh ini, BNP Labs juga telah melatih 20 buah syarikat berasaskan bio untuk bersedia memohon pensijilan halal menerusi program Halal Boost. Melalui Program BNP Way Forward, kami ingin meningkatkan produktiviti dan daya guna R,D,C&I dalam bioteknologi dan berasaskan bio, supaya lebih ramai usahawan dalam bidang ini dapat melancarkan produk inovatif ke pasaran dengan lebih pantas dan kos yang lebih efisien serta memanfaatkan keperluan rakyat selari dengan prinsip "*Bioeconomy for all*" yang diperjuangkan oleh Bioeconomy Corporation," tambah beliau.

Dalam majlis tersebut, Bioeconomy Corporation telah menganugerahkan status BNP Labs kepada 20 institusi pengajian tinggi, 10 institusi penyelidikan, 5 syarikat berkaitan kerajaan dan 3 makmal swasta dari seluruh Malaysia. Program BNP Labs diperkenalkan pada tahun 2008 untuk membolehkan usahawan dan syarikat bioteknologi mendapat akses kepada rangkaian kepakaran, latihan dan pelbagai perkhidmatan teknikal dari universiti awam dan swasta, institut penyelidikan dan makmal komersial swasta terpilih di Malaysia. Rangkaian makmal BNP Labs diberi pelbagai akreditasi antarabangsa dan tempatan termasuk ISO 17025, Amalan Makmal Baik (GLP), AAALAC, HACCP, dan Amalan Pembuatan Baik (GMP) untuk memastikan kebolehpercayaan dan kredibiliti produk yang dihasilkan.

Sepanjang tahun ini, Program BNP Way Forward 2024 dilaksanakan oleh Bioeconomy Corporation yang merangkumi sesi-sesi padanan perniagaan, bengkel dan program pengkomersialan, program akreditasi dan latihan, serta klinik dana penyelidikan dan pembangunan. Program ini bertujuan untuk membantu BNP Labs mengukuhkan keupayaan dan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam R,D,C&I, serta meningkatkan peluang kerjasama antara BNP Labs, pelabur, dan pemain industri terutamanya syarikat-syarikat berstatus BioNexus dan BBA. Melalui sesi-sesi padanan perniagaan dengan syarikat-syarikat BioNexus dan BBA, BNP Labs disasarkan untuk mengkomersialkan produk-produk mereka sendiri menurut enam sektor Kepakaran Nexus, iaitu Pembangunan Produk Herba, Bioperubatan, Bioteknologi Farmaseutikal, Alam Sekitar & Toksikologi, Bioteknologi Perindustrian & Halal, serta Latihan & Pembangunan. Dengan ini, BNP Labs dapat meningkatkan pendapatan sendiri dan menawarkan perkhidmatan yang lebih inovatif dan berkualiti untuk pasaran tempatan dan antarabangsa.

#TAMAT#

Disediakan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

17 Julai 2024

MENGENAI BIOECONOMY CORPORATION

Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn Bhd (Bioeconomy Corporation) merupakan agensi pembangunan ekonomi utama bagi industri bioteknologi dan berasaskan bio di Malaysia. Ditubuhkan pada tahun 2005, Bioeconomy Corporation berada di bawah bidang kuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan merupakan syarikat milik Menteri Kewangan (Diperbadankan) dan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

Bioeconomy Corporation memberi sokongan, kemudahan dan khidmat nasihat dalam bidang perniagaan, pelaburan, R&D, pembangunan modal insan, infrastruktur kewangan, rangka kerja undang-undang dan pengawalseliaan, pembangunan strategik, dan sokongan kerajaan. Melalui perkhidmatan ini, Bioeconomy Corporation membangunkan komuniti perniagaan, akademik, dan saintifik yang memacu industri bioteknologi dan berasaskan bio di Malaysia.

Melalui Bioeconomy Corporation, Kerajaan menganugerahkan Status BioNexus kepada syarikat antarabangsa dan Malaysia terpilih yang menjalankan aktiviti bioteknologi, berasaskan bio atau sains hayat. Dengan status ini, syarikat BioNexus menerima insentif fiskal, fasilitasi dan jaminan lain yang diuruskan oleh Bioeconomy Corporation bagi membantu pembangunan syarikat.

Bioeconomy Corporation juga menawarkan program Bio-based Accelerator (BBA) yang membantu syarikat-syarikat pemula, perniagaan mikro dan syarikat besar dalam sektor berasaskan bio untuk menerapkan sains, teknologi dan automasi dalam operasi perniagaan mereka, supaya mereka menjadi lebih inovatif dan celik teknologi. Program ini mengenal pasti jurang dalam kemahiran, penggunaan teknologi, kewangan, kawal selia dan kebolehpasaran produk.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.bioeconomycorporation.my.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Bioeconomy Corporation

Nur Akmar Yusoff

Eksekutif,

Komunikasi Strategik

Malaysian Bioeconomy Development Corporation

Tel: +6012 690 6108

Emel: akmar.yusoff@bioeconomycorporation.my